

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan N. Sembilan



Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Jamadir Awwal / Jamadir Akhir 1441 — Januari 2020

BIL: 18 / 2020



Wajib Ke Saya Solat ? (siri 1)

Puisi “Anak Kecil Acuan Pertama”	Menuju Kebangkitan Islam	Puisi “Angin Pilu”
--	--------------------------------	--------------------------

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mu'allim Bin Mohd Bakri
Abdul Mukti Bin Baharudin
Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil
Husnul Rita Aris
Aishah Mahat

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh tiga atau siri kelapanbelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Wajib Ke Saya Solat? (Siri 1)*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Wajib Ke Saya Solat?
(Siri 1) (3)
- ⇒ Puisi: Anak Kecil Acuan
Pertama (8)
- ⇒ Menuju Kebangkitan Islam
(9)
- ⇒ Puisi "Angin Pilu" (12)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Wajib Ke Saya Solat? (Siri 1)

Oleh : Abdul Mukti Bin Baharudin (Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam (KUIS))

Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil (Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Sebagaimana dimaklumi oleh setiap orang muslim, solat merupakan rukun Islam yang kedua. Ia merupakan tiang kepada agama. Sesiapa yang meninggalkannya, maka runtuhlah agamanya. Dan sesiapa yang tidak sempurna dalam menunaikannya, maka tiang agamanya tidak kuat dan kukuh. Oleh kerana itu, pelaksanaan ibadah solat itu biarlah berlandaskan ilmu pengetahuan yang sebenar, bukannya ikut-ikutan atau warisan semata-mata. Dengan berlandaskan ilmu pengetahuan, solat yang ditunaikan mampu mencapai tahap kesempurnaan sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Solat merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. Oleh itu


semestinya kaifiat (cara) telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. menerusi utusanNya, Rasulullah s.a.w. Apatah lagi Allah s.w.t. tidak mengizinkan hamba-hambanya mereka cipta ibadah yang tidak ada asal usul dan sumbernya. Ini kerana ia akan menatijahkan hasil yang sia-sia dan ditolak oleh Allah s.w.t.

Maka menjadi satu kefardhuan (fardhu ain) kepada setiap muslim untuk mempelajari cara solat yang sebenar, sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang bermaksud: "Solatlah kamu seperti mana kamu melihat aku solat". Jadi, hendaklah setiap muslim mengikut dan mengambil kaifiat (cara) yang telah ditunjukkan oleh baginda

s.a.w. menerusi ulama-ulama umat ini sama ada salaf (dahulu) mahupun khalaf (kemudian) yang disebut di dalam kitab-kitab mereka.

Solat terbahagi kepada dua bahagian, iaitu zahir dan batin.

Rupa yang zahir ialah:



i.	Syarat sah solat – roh
ii.	Rukun solat – kepala dan badan
iii.	Sunat ab'ad – anggota (apabila ditinggalkan boleh ditampung dengan sujud sahwi)
iv.	Sunat hai'ah – segala bulu perhiasan

Manakala yang batin ialah:



Kata Imam al-Ghazali:

"Perumpamaan orang yang menunaikan solat yang zahir sahaja dan lalai daripada hakikatnya yang batin seperti seorang yang menghadiahkan kepada seorang raja yang amat tinggi darjatnya seorang dayang yang mati, yang tiada roh padanya..."

SIAPA YANG WAJIB MENUNAIKAN SOLAT?

Terdapat syarat-syarat yang ditetapkan bagi menjadikan seseorang itu **WAJIB** menunaikan solat yang difardhukan. Apabila cukup syarat-syarat tersebut, ia mestilah menunaikan solat tersebut dan **HARAM** serta **BERDOSA BESAR** meninggalkannya. Di antara syarat-syaratnya ialah:

i. ISLAM

- Diwajibkan kepada lelaki atau perempuan atau khunsa.
- Tidak wajib ke atas orang kafir asli dan tidak wajib dan tidak sunat qada' solat yang luput di dalam masa kafir, sekiranya dia memeluk Islam.
- Menurut jumhur ulama, tidak diwajibkan solat ke atas orang kafir sebagai tuntutan wajib di dunia kerana solat yang dilakukan oleh orang kafir tidak sah. Tetapi dikenakan hukuman ke atasnya di hari akhirat kerana dia boleh melakukan solat dengan memeluk Islam. Menurut prinsip jumhur ulama, orang kafir terikat dengan hukum-hukum Islam sekalipun dia kafir.
- Manakala orang yang murtad, wajib ke atasnya solat dan mengqada' solat yang ditinggalkan ketika murtad sekiranya ia kembali kepada Islam.

ii. BALIGH

- Seseorang dikira baligh apabila sampai kepada had mukallaf (berkewajipan melaksanakan segala tuntutan syariat serta menanggung dosa atau pahala sendiri atas segala amalan yang dilakukan).
- Tidak wajib kepada kanak-kanak walaupun mumayyiz (umur sekitar 7 tahun yang sudah tahu membezakan sesuatu yang baik dengan yang buruk), namun wajib ke atas walinya (bapa atau datuk) menyuruhnya melaksanakan solat apabila genap berumur 7 tahun (dan telah mumayyiz) dan memukulnya apabila berumur 10 tahun.
- Baligh berlaku dengan salah satu daripada tanda berikut:
 - a. Mencapai umur 15 tahun bagi lelaki dan perempuan. Kiraan 15 tahun itu bermula daripada terpisahnya badan daripada rahim ibunya hingga benar-benar genap 15 tahun (qamariyyah).
 - b. iBermimpi bagi lelaki dan perempuan yang berumur hampir 9 tahun (qamariyyah). Bermimpi itu bermaksud keluar mani, sama ada pada waktu tidur atau jaga.
 - c. Keluar haid bagi perempuan yang berumur hampir 9 tahun (qamariyyah).

iii. BERAHAL

- Tidak dianggap berakal bagi orang yang gila (tidak sengaja)/ yang sedang tidur (wajib qadha apabila terjaga daripada tidur) / nyanyuk/ koma/ pengsan (tidak sengaja)/ pitam dan mabuk (tidak sengaja).
- Maka, tidak perlu qadha' (sunnat qadha) kerana ia tidak termasuk dalam kategori orang yang mukallaf ketika dalam keadaan gila atau pengsan atau mabuk atau koma.
- Jika gila atau pitam atau mabuk dengan sengaja, maka wajib qadha atasnya.

iv. SUCI DARIPADA HAID DAN NIFAS

- Haid – seminimumnya ialah sehari semalam/ semaksimumnya ialah 15 hari 15 malam/ adatnya 6-7 hari.
- Nifas – seminimumnya ialah sedetik/ semaksimum ialah 60 hari/ adatnya ialah 40 hari.
- Tidak perlu qadha bagi perempuan yang haid dan nifas. Sekiranya dilakukan, hukumnya adalah makruh.



v. SAMPAI DAKWAH

- Sampai dakwah Islam yang sebenar kepada manusia. Jika tidak maka ia dianggap sebagai keuzuran dan tidak wajib diqadha. Namun keseluruhan umat Islam dikira berdosa kerana kerja dakwah adalah fardhu kifayah.
- Keuzuran kerana kejahilan bagi orang Islam ialah orang yang tidak mampu sampai ke tempat pengajian untuk belajar. Bagi orang yang mampu dan dia tidak pergi, maka ia tidak dianggap uzur. Ini kerana menjadi WAJIB ke atasnya pergi menuntut ilmu, lalu dia menanggukannya maka berdosalah ia.

vi. SEJAHTERA PANCAINDERA

- Dimaksudkan pancaindera ialah pendengaran dan penglihatan. Apabila seseorang hilang kedua-duanya semenjak dia lahir atau sebelum mumayyiz, maka dia dianggap tidak mukallaf.

Apabila kita memahami dan mengetahui akan syarat-syarat wajib solat ini, maka tidak seharusnya timbul sebarang alasan untuk kita mengabaikan solat dengan sengaja. Alasan-alasan yang seringkali kita dengar apabila seseorang meninggalkan solat seperti sakit, 'jem' di highway, sibuk exam, bersukan, mahu pun menjadi 'raja sehari' atau menunggu masa melahirkan anak sekalipun tidak akan memberi kelonggaran untuk kita meninggalkan solat. Selagi mana syarat yang mewajibkan kita solat itu cukup, maka kita WAJIB solat. Dan ingatlah, sesungguhnya kewajipan solat inilah yang akan mula-mula ditanya oleh Allah kelak di akhirat sebelum segala amalan lain dihitung.

Solat umpama 'LESEN BESAR'

untuk melayakkan kita masuk syurga. Tiada lesen, maka amalan sokongan lain tidak ada nilainya. Semoga kita... keturunan kita.. sanak saudara kita... sahabat-sahabat kita... anak didik pelajar kita... jiran tetangga kita... pemimpin kita... dan seluruh umat Islam menjadi hamba yang sentiasa menjaga dan menunaikan solat. Namun perlu diingat, solat tidak boleh ditunaikan sekadar mengikut adat, ikutan semata-mata dari orang tua sedari usia kita kanak-kanak. Solat perlu dilaksanakan dengan betul dan berlandaskan ILMU YANG BENAR mengikut syariat Islam. Solat ini pula ada syarat dan rukunnya, barulah ia dianggap sah dan diterima. Tunggu kupasannya di siri akan datang. (SAH KE SOLAT SAYA NI? (SIRI II))



Anak Kecil Acuan Pertama

Oleh : Husnul Rita Aris

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Anak kecil umpama benih pokok yang ditanam
Anak benih yang tumbuh perlu dijaga
Dibajai, diletakkan di tempat yang sesuai
Perlukan udara, cahaya matahari, air dan baja
Untuk memastikan kehidupan pokok tumbuh sempurna

Jikalau anak pokok diganggu serangga,
Perlu ada racun perosak sebagai pelindung,
Jika tidak, rosaklah anak pokok tersebut

Anak kecil dilahir seperti kain putih
Ibu bapa pencorak kehidupannya
Jikalau di install dalam otaknya perkara negative
Outcome nya pasti negative
Jika di install perkara positif, hasilnya positif
Itulah anak kecil dengan acuannya

Anak kecil melihat, mendengar, meniru apa disekelilingnya
Seperti kain putih yang dicorak dengan corak yang dikehendakinya
Amat sukar untuk ditukar apabila sudah dicorak di awal usia
Itulah yang dibawa sehingga membesar

Ayuh ibu bapa sekalian
Sedarlah amanah dihadapan anda
Jangan leka dan alpa terhadap tanggungjawab anda
Marilah rancang dan hasilkan corak terbaik
Pasti anak kecil menjadi hebat
Apabila di install dahulu dengan iman dan akidah yang benar
Al-Quran menjadi bacaan, faham dan tadabbur
Akhlaq mulia menjadi hiasan bagi anak kecil tersebut
Agar mereka membesar menjadi khalifah Allah yang hebat

Menuju Kebangkitan Islam

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)




Islam berkembang ketika zaman junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam keadaan yang mendapat tentangan masyarakat jahiliyyah ketika itu. Pada permulaan Islam di Mekah, bilangan pengikut amat sedikit terdiri daripada ahli keluarga terdekat dengan Rasulullah dan dari kalangan hamba serta orang miskin. Mereka ditindas dan diperlakukan seperti manusia yang tidak punya nilai dan harga diri. Berkat kesungguhan Rasulullah SAW, para sahabat dan generasi awal Islam dalam menyebarkan risalah tauhid tanpa ada perasaan putus asa, maka Islam telah berkembang keseluruh pelosok alam dan menjadi penawar serta penjana dalam membina ketamadunan, yang mana

rahmat, hikmah, dan manfaatnya dapat dirasakan oleh seluruh umat manusia. Ini bertepatan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Anbiyaa' ayat 107 yang bermaksud: *"Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam telah mencapai zaman kegemilangan semenjak dari zaman pemerintahan khulafa' al-Rasyidin di Madinah, zaman pemerintahan kerajaan Umayyah di Damsyik serta di Andalus dan zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah di Bahgdad. Kerajaan-kerajaan ini menjalan-

kan dasar perluasan kuasa dan menyebarkan Islam sehingga dapat menguasai satu pertiga dunia yang meliputi Semenanjung Tanah Arab, Parsi, sebahagian Empayar Rom, Afrika Utara, Sepanyol, Perancis dan Turki.

Walaupun bagaimanapun, kegemilangan Islam ini tidak dapat bertahan, kerana umat Islam pada ketika itu dilanda masalah dalaman dan tekanan dari luar, pemerintahan yang tidak cekap, mabuk dengan kemewahan dan hidup dengan keseronokkan, lupa diri daripada mengingat Allah SWT serta pelbagai lagi faktor-faktor yang menyumbang kejatuhan kerajaan-kerajaan Islam tersebut. Negara-negara Islam yang hebat pada ketika itu satu demi satu terlepas dari penguasaan



kerajaan Islam. Kerajaan Islam yang terakhir di bawah sistem Khalifah adalah kerajaan Uthmaniah di Turki. Ini digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadith yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud: *"Dari Abu Hurairah R.A berkata, Rasulullah SAW bersabda: Islam mula*

tersebar dalam keadaan kesukaraan (asing). dan ia akan kembali asing pula. maka beruntunlah orang-orang yang asing"(orang Islam yang menghadapi kesukaraan ini)".

Kegemilangan dan ketamadunan Islam terdahulu yang diketahui oleh umat Islam kini, hanyalah tinggal dalam lipatan sejarah. Kegemilangan dan ketamadunan itu telah hilang disebabkan kealpaan umat Islam itu sendiri. Dengan hanya bercerita sahaja, ia tidak akan dapat mengubah apa-apa fakta sejarah yang telah berlalu, melainkan umat Islam sendiri perlu berusaha mencari hak-hak umat Islam yang telah hilang atau terlepas dari gengaman tangan umat Islam suatu ketika dahulu. Antara langkah-langkah yang seharusnya dilakukan oleh umat Islam generasi kini ialah:

- 1) Umat Islam kini perlu kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Dalam masa yang sama perlu menanamkan keyakinan kepada Allah SWT dan mempertahankan hak Islam. Maka barulah umat Islam dapat membina semula kekuatan yang Allah SWT kurniakan kepada generasi terdahulu, yang sanggup berjuang demi kasih dan cinta mereka terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya, mengatasi cinta dan kepentingan kepada diri mereka sendiri, keluarga dan harta benda.
- 2) Umat Islam kini hendaklah menjadikan agenda penguasaan ilmu sebagai teras atau tunjang kemajuan sains dan teknologi dalam membina ketamadunan baru yang mempunyai identiti, jati diri dan acuan tersendiri.

- 3) Seiring dengan kemajuan menuju kecemerlangan, umat Islam tidak dapat lari dari memperkasakan aspek pembangunan insan dan jati diri. Kerana apa guna negara yang maju, tetapi masyarakat atau rakyatnya hidupnya dalam ketakutan kerana banyak berlakunya kes-kes jenayah, gejala sosial, keruntuhan akhlak dan sebagainya.
- 4) Jangan cepat merasa puas dengan apa yang telah dicapai, kerana indeks atau penanda aras suatu tahap kemajuan itu akan sentiasa berubah pada setiap masa. Justeru, generasi Islam kini mesti melipatgandakan usaha untuk mencapai ke suatu tahap yang lebih tinggi.
- 5) Konsep taawun iaitu tolong menolong dalam memajukan saudara-saudara seagama. Tidak kiralah apa bentuk dan bidang, umpamanya pertukaran teknologi makanan dan pertanian, perkongsian teknologi maklumat, pertukaran tenaga kepakaran dan berkemahiran tinggi dalam industri jentera berat dan sebagainya. Ini semua dapat membantu dan supaya ukhuwah Islamiah itu akan menjadi lebih kukuh demi menjaga hak-hak dan kepentingan Islam itu sendiri.
- 6) Umat Islam hendaklah meletakkan keyakinan yang sepenuhnya dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT, tidak pada yang lain. Kerana hidup dan mati hanyalah untuk mencari keredhaan Allah semata-mata.



Puisi

“Angin Pilu”

Oleh : Aishah Mahat
(Pensyarah FSKM UiTM Kampus Pasir Gudang)

Desas desus laluan
Tiupan tidak berhenti
Dari mana datangnya
Tidak diketahui
Asal usulnya

Banyak yang terpalit
Pahit maung tidak terkira

Oh, bilakah kesudahannya?
Masih lagi tercari-cari
Hentikanlah

Menderita
Pada insan – insan yang tidak berdosa
Apa puncanya?
Jawapan masih tersembunyi
Bunyi bunyi bisikan
Datang dan pergi dari sana sini

Pergilah
Tidak tertahan rasa lagi
Sorak di kampung tiada lagi
Hanya ratapan pencemaran yang dirasai